

16/01/1998

Badan khas banteras rasuah

Sariha Mohd Ali

KUANTAN, Khamis - Kerajaan Pahang dalam mesyuarat mingguannya, di sini, semalam, menubuhkan Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan Kerajaan Negeri (JKPKN) bertujuan membanteras rasuah dan penyelewengan di kalangan kakitangan awam.

Langkah itu selaras arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang memberi tempoh sebulan kepada semua Menteri Besar dan Ketua Menteri serta ketua perkhidmatan dan jabatan kerajaan untuk mengeluarkan arahan mewujudkan Jawatankuasa Pengurusan Kerajaan (JKP).

Menteri Besar, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, berkata kerajaan negeri juga sudah melantik ahli JKPKN yang dipengerusikannya, berkuatkuasa serta-merta.

Beliau berkata, ahli JKPKN ialah Timbalan Menteri Besar, Datuk Hasan Arifin, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Alam Sekitar, Datuk Bahari Yahya, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Hal Ehwal Agama, Datuk Adnan Yaakob dan Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Datuk Kan Tong Leong.

Selain itu, Setiausaha Kerajaan negeri, Penasihat Undang-Undang, Pegawai Kewangan negeri, Pengarah Unit Perancang Ekonomi negeri (Upen), Mufti, Pengarah Tanah dan Galian negeri, Pegawai Kemajuan negeri, Pegawai Audit negeri dan Pengarah Badan Pencegah Rasuah (BPR) Pahang.

Menurutnya, BPR Pahang pula akan bertindak sebagai urusetia jawatankuasa itu.

"Kita menubuhkan JKPKN berkuatkuasa serta-merta bagi mematuhi arahan Perdana Menteri untuk membanteras kegiatan rasuah dan penyelewengan."

"Berikutan itu, kita akan mengadakan mesyuarat pertama jawatankuasa itu sebelum Aidilfitri," katanya, di sini, hari ini.

Menurut arahan Perdana Menteri Bilangan 1, Tahun 1998 yang dikeluarkan 8 Januari lalu, Menteri Besar, Ketua Menteri, ketua perkhidmatan dan jabatan kerajaan adalah Pengerusi JKP dan mereka perlu mengeluarkan pekeliling dengan segera kepada jabatan dan agensi masing-masing bagi menentukan penubuhan sebuah jawatankuasa baru atau menggunakan jawatankuasa sedia ada.

JKP ditubuhkan bagi menangani kelemahan dalam pengurusan kewangan kerajaan, pentadbiran awam, pengendalian kes tata tertib, rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan lain.

(END)